



Third World Network Berhad

198701004592 (163262-P)

131 Jalan Macalister, 10400 Penang, MALAYSIA

Tel: 60-4-2266728/2266159

Telefax: 60-4-2264505

E-mail: tw@twnetwork.org

Website: www.twn.my

Rujukan Kami: NGO-CSO/Lynas/2026

Tarikh: 13 April 2026

Emel: anwaribrahim@pmo.gov.my

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim

Perdana Menteri Malaysia

Pejabat Perdana Menteri, Blok Utama

Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502, Putrajaya, Malaysia

YAB Dato' Seri,

**PER: SURAT TERBUKA KEPADA PERDANA MENTERI MALAYSIA
KERAJAAN MALAYSIA MESTI MEMASTIKAN OPERASI LYNAS TIDAK
MELANGGAR UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA**

Salam sejahtera daripada Third World Network. Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

Third World Network bersama dengan 56 pertubuhan lain yang bertandatangan di bawah (Lampiran 1), membantah sekeras-kerasnya perjanjian Lynas Rare Earths Ltd untuk membekalkan oksida nadir bumi kepada Jabatan Perang (*Department of War*) Amerika Syarikat [Perjanjian DoW]. Perjanjian ini, yang bernilai kira-kira USD 96 juta bagi tempoh empat tahun, secara langsung akan mengheret operasi pemprosesan yang dijalankan di bumi Malaysia ke dalam rantaian bekalan ketenteraan asing. Ia akan membabitkan Malaysia dengan aktiviti ketenteraan sebuah negara, yang ketika surat ini ditulis, sedang terlibat dalam sebuah konflik bersenjata dan operasi ketenteraan yang didakwa oleh pelbagai pihak, sebagai sebuah pelanggaran berat terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa (*international humanitarian law* – IHL) dan pencabulan serius undang-undang hak asasi manusia antarabangsa (*international human rights law* – IHRL), sebuah pertuduhan yang amat wajar.

Kebimbangan Kami

Keamanan dan Dasar Berkecuali (*Non-Alignment*)

Dasar luar Malaysia berteraskan prinsip berkecuali (*non-alignment*). Perjanjian DoW ini akan menjadikan Malaysia satu titik dalam rantaian bekalan ketenteraan sebuah negara yang kini sedang melancarkan peperangan dan operasi ketenteraan di pelbagai wilayah. Hal ini pada asasnya langsung tidak selaras dengan komitmen jangka panjang Malaysia terhadap keamanan serta penentangannya yang konsisten terhadap penggunaan kekerasan dalam perhubungan antarabangsa. Dengan membenarkan tindakan yang sedemikian rupa diteruskan, risikonya adalah kredibiliti Malaysia sebagai suara bebas dalam pelbagai forum antarabangsa akan terhakis. Ini juga akan menggugat pendirian berprinsip negara kita tentang konflik di Palestin, Iran dan di lain-lain wilayah.

Kedaulatan Negara

Membenarkan operasi di wilayah Malaysia untuk berkhidmat, secara langsung atau tidak langsung, kepada usaha peperangan sebuah kuasa asing akan menjejaskan kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia. Memproses mineral strategik di Gebeng untuk diserahkan kepada Jabatan Perang Amerika Syarikat dengan sewenang-wenangnya akan meletakkan infrastruktur perindustrian Malaysia di bawah kehendak ketenteraan negara lain. Ini menimbulkan persoalan serius tentang sejauh mana rangka kerja kawal selia dan pelesenan Malaysia telah dijadikan alat untuk memenuhi objektif strategik negara asing tanpa penelitian yang memadai atau penanggungjawaban awam.

Tanggungjawab Alam Sekitar

Kemudahan Lynas di Gebeng telah menghadapi tentangan awam yang berterusan berhubung pengurusan sisa radioaktif dan risiko alam sekitar yang berkaitan. Hakikat bahawa operasi ini kini akan dikaitkan dengan rantai bekalan ketenteraan memburukkan lagi beban yang ditanggung oleh komuniti di sekitar kemudahan tersebut dan oleh Malaysia secara keseluruhannya.

Risiko Bersubahat dalam Pelanggaran Undang-Undang Antarabangsa

Perjanjian DoW tidak wujud dalam ruang vakum. Ia mesti dinilai dengan latar belakang tentang tingkah laku ketenteraan Amerika Syarikat yang terkini dan sejak kebelakangan ini. Perkara ini telah menarik kecaman meluas dan pertuduhan yang wajar berhubung dengan pelanggaran undang-undang antarabangsa di pelbagai ruang.

Gaza dan Wilayah Palestin yang Diduduki

Amerika Syarikat kini terus membekalkan senjata dan bantuan ketenteraan kepada Israel untuk operasinya di Gaza dan di wilayah Palestin yang diduduki secara keseluruhannya, tanpa menghiraukan perintah kaedah-kaedah sementara (provisional measures orders) Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dalam kes *South Africa v. Israel* yang menunjukkan wujudnya risiko munasabah berlakunya genosida, serta dapatan Suruhanjaya Siasatan Antarabangsa Bebas PBB pada September 2025 bahawa Israel telah melakukan genosida terhadap rakyat Palestin di Semenanjung Gaza.¹ Pelbagai pakar PBB, termasuk Pelapor Khas mengenai keadaan hak asasi manusia di wilayah Palestin yang diduduki, telah menyatakan dengan jelas bahawa pemindahan senjata yang berterusan kepada Israel berisiko menjadikan negara-negara pembekal bersubahat dalam perbuatan yang salah di sisi undang-undang antarabangsa, termasuklah genosida.

Venezuela

Pada 3 Januari 2026, Amerika Syarikat telah melancarkan serangan di seluruh Venezuela dan menangkap Presiden Nicolás Maduro dalam satu operasi yang dijalankan tanpa kebenaran Majlis Keselamatan PBB dan tanpa dakwaan mempertahankan diri yang wajar di bawah Perkara 51 Piagam PBB. Setiausaha Agung PBB, Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia

¹ See UN Independent International Commission of Inquiry on the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and Israel, Report of September 2025, concluding that Israel has committed genocide against Palestinians in the Gaza Strip. See also ICJ, Application of the Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide in the Gaza Strip (*South Africa v. Israel*), Provisional Measures Orders of 26 January 2024, 28 March 2024, and 24 May 2024.

PBB, dan sejumlah kerajaan telah mengecam tindakan tersebut sebagai pencabulan kedaulatan dan integriti wilayah Venezuela di bawah Perkara 2(4) Piagam PBB.²

Iran

Pada 28 Februari 2026, Amerika Syarikat dan Israel telah melancarkan beberapa siri serangan terhadap Iran dengan sasaran pucuk pimpinan kemudahan ketenteraan, dan tapak nuklear negara tersebut. Serangan tersebut, yang akhirnya membunuh Pemimpin Tertinggi Ali Khamenei bersama-sama anggota tentera dan orang awam, telah disifatkan sebagai pencabulan kedaulatan Iran di bawah undang-undang antarabangsa oleh pakar undang-undang dan pelbagai kerajaan. Konflik ini kemudiannya menjadi lebih tegang lagi, dengan serangan ke atas infrastruktur awam, penenggelaman sebuah kapal tentera laut Iran tatkala ia tidak bersenjata, dan persiapan untuk potensi operasi darat. YAB Perdana Menteri, YAB telah secara terbuka dan tegas mengecam serangan-serangan ini, dengan menyatakan bahawa serangan tersebut adalah ‘bertentangan dengan prinsip sejagat’ (*contrary to universal principles*).

Dalam konteks ini, pembekalan oksida nadir bumi yang diproses di fasiliti Gebeng kepada Jabatan Perang Amerika Syarikat mendedahkan kita kepada sebuah risiko yang nyata dan boleh dijangka, yakni Lynas, sebagai sebuah syarikat yang beroperasi di bawah bidang kuasa dan kawal selia Malaysia, bersubahat dalam pelanggaran undang-undang antarabangsa. Oksida nadir bumi merupakan mineral kritikal bagi magnet kekal yang digunakan dalam peluru berpandu berpandukan ketepatan, sistem senjata canggih, kenderaan tentera, dan elektronik pertahanan. Oleh itu, bahan-bahan yang diproses di Malaysia ini boleh tergabung ke dalam sistem senjata yang digunakan di dalam operasi yang melakukan pelanggaran berat IHL dan pencabulan serius IHRL, atau telah dengan wajar didakwa berbuat demikian.

Tanggungjawab Malaysia Di Bawah Undang-Undang Antarabangsa

Malaysia secara konsisten telah menyatakan kepatuhan dan sokongan berprinsipnya terhadap undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang antarabangsa mengenai tanggungjawab negara seperti yang termaktub dalam Perkara-Perkara mengenai Tanggungjawab Negara terhadap Tindakan-Tindakan Salah di sisi Antarabangsa (*Articles on Responsibility of States for Internationally Wrongful Acts – ARSIWA*), yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2001.

Di Perhimpunan Agung PBB, Majlis Hak Asasi Manusia, dan Majlis Keselamatan, kerajaan Malaysia telah secara jelasnya menyifatkan tindakan Israel di Gaza sebagai genosida dan pelanggaran berat IHL, dan telah menuntut untuk kebertanggungjawaban serta perlindungan bagi orang awam.

Baru-baru ini, pada bulan yang lepas, YAB telah membentangkan usul tergepar di Parlimen yang “mengecam sekeras-kerasnya serangan oleh Israel dan Amerika Syarikat ke atas Iran,” dengan menyatakan bahawa Malaysia “membantah keras serangan berterusan ke atas Iran, kerana ia bertentangan dengan prinsip-prinsip sejagat,” dan menyeru agar gencatan senjata (*ceasefire*) tanpa syarat dilaksanakan dengan serta merta dan untuk semua pihak kembali ke meja rundingan.

Dalam Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia 2025–2030 (*National Action Plan on Business and Human Rights 2025–2030 - NAPBHR*), kerajaan mengakui tanggungjawabnya untuk memastikan semua perniagaan menghormati hak asasi manusia, selaras dengan komitmen Malaysia di bawah undang-undang dan

²See WOLA, “Unilateral U.S. military intervention to remove authoritarian dictator Nicolas Maduro from power violates international law and sets a dangerous precedent for the region,” 3 January 2026; UN Security Council Report, “Venezuela: Emergency Meeting,” 5 January 2026 (S/2026/5).

perjanjian antarabangsa. Kerajaan juga menyedari keperluan untuk terus menambah baik rangka kerja hak asasi manusianya.

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya di bawah undang-undang antarabangsa, Malaysia mesti memastikan semua pihak yang beroperasi di bawah bidang kuasanya menghormati, melindungi dan mematuhi undang-undang antarabangsa, termasuk IHL dan IHRL. Di bawah Perkara 16 ARSIWA, Malaysia tidak boleh dengan sengaja membantu atau menyokong negara lain dalam melakukan pelanggaran berat IHL atau pencabulan serius IHRL, yang mana ia akan menyalahi undang-undang jika dilakukan oleh Malaysia sendiri, termasuklah jenayah perang, jenayah kemanusiaan atau genosida.

Apabila operasi komersial sebegini dijalankan di bumi Malaysia, melalui rangka kerja kawal selia dan pelesenan, kerajaan tidak boleh bersikap acuh tidak acuh terhadap tujuan penggunaan wilayah dan infrastruktur institusinya. Dengan membenarkan Lynas melaksanakan Perjanjian DoW tanpa soal selidik, berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan di atas, paling tidak, ia merupakan satu kecuaiian oleh kerajaan Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah undang-undang antarabangsa, dan yang paling buruk sekali, ia adalah tindakan kita membutakan mata kita dengan sengaja tentang risiko bersubahat dalam perbuatan yang salah di peringkat antarabangsa.

Tuntutan Kami

Memandangkan kewujudan Perjanjian DoW dan risiko bahawa bahan-bahan yang diproses di kemudahan Lynas di Gebeng mungkin digunakan dalam sistem senjata yang dikerahkan oleh operasi ketenteraan yang sedang atau mungkin menjadi bahan dakwaan yang wajar berkenaan genosida, jenayah kemanusiaan atau pelanggaran berat undang-undang antarabangsa yang lain, kami menyeru kerajaan Malaysia untuk mengambil langkah-langkah berikut bagi melaksanakan tanggungjawabnya dan mengelakkan persubahatan melalui bantuan atau sokongan, di bawah Perkara 16 ARSIWA:

1. Memastikan Lynas tidak melanggar undang-undang antarabangsa

Malaysia harus mewajibkan Lynas untuk membuktikan bahawa operasi, kontrak, dan rangkaian bekalannya tidak dan tidak akan menyumbang kepada atau memudahkan perbuatan yang salah di sisi undang-undang antarabangsa, termasuk pelanggaran berat IHL, pencabulan serius IHRL, genosida, jenayah perang atau jenayah kemanusiaan. Ini termasuk menuntut ketelusan penuh mengenai terma, skop, dan tujuan penggunaan akhir Perjanjian DoW, serta mewajibkan jaminan yang mengikat bahawa bahan-bahan yang ditapis di Malaysia tidak akan digunakan dalam sistem senjata yang dikerahkan dalam sebarang operasi di mana pelanggaran IHL dan IHRL berlaku. Syarat-syarat sedemikian harus dimasukkan sebagai prasyarat dalam lesen yang dikeluarkan kepada Lynas.

2. Mengaudit Lynas

Malaysia harus mengenakan audit pemeriksaan tuntas (*due-diligence*) hak asasi manusia dan IHL yang teguh dan bebas ke atas Lynas, dengan tumpuan kepada risiko penggunaan akhir dan pengguna akhir, dengan perhatian khusus diberikan terhadap potensi penglibatan dalam konflik di mana terdapat dakwaan yang wajar tentang pencabulan serius IHL dan IHRL. Apabila risiko sumbangan kepada pelanggaran sedemikian dikenal pasti, Malaysia mesti mengenakan syarat, langkah pembetulan atau jika perlu, menggantung atau membatalkan kelulusan dan lesen yang berkaitan, untuk mencegah sebarang bantuan atau sokongan yang disengajakan kepada perbuatan yang salah di sisi undang-undang antarabangsa dalam pengertian Perkara 16 ARSIWA.

3. Menggubal dan menguatkuasakan perundangan domestik

Malaysia harus menerima pakai dan menguatkuasakan undang-undang domestik serta syarat-syarat kawal selia yang jelas untuk memastikan syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia tidak bersubahat dalam salah laku jenayah antarabangsa atau terkait dengan konflik IHRL atau IHL. Undang-undang sedemikian harus menyatakan secara jelas bahawa kelulusan kawal selia dan lesen operasi adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap tanggungjawab Malaysia di bawah undang-undang antarabangsa, termasuk kewajibannya untuk tidak membantu atau menyokong sebarang perbuatan yang salah di peringkat antarabangsa yang dilakukan oleh negara pihak ketiga, dan harus mewajibkan pemeriksaan tuntas yang diperkukuhkan berkenaan hak asasi manusia untuk rantaian bekalan yang berkaitan dengan ketenteraan atau terdedah kepada konflik.

Kami amat berharap bahawa YAB Dato' Seri akan mempertimbangkan perkara ini dengan teliti. Kami menunggu satu jawapan awal daripada pejabat YAB Dato' Seri. Segala kerjasama dan tindakan awal dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Chee Yoke Ling
Pengarah Eksekutif
Third World Network Berhad

Bagi dan bagi pihak semua
NGO, CSO dan organisasi di dalam Lampiran 1

Salinan kepada:

YB Datuk Chang Lih Kang
Menteri
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
Block C5, Aras 7, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Emel: changlihkang@mosti.gov.my

Date: 13 April 2026

Dear YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim,

**RE: OPEN LETTER TO THE PRIME MINISTER OF MALAYSIA
THE MALAYSIAN GOVERNMENT MUST ENSURE THAT LYNAS
OPERATIONS DO NOT VIOLATE INTERNATIONAL LAW**

We, the undersigned, strongly oppose the agreement by Lynas Rare Earths Ltd to supply rare earth oxides to the United States Department of War [the DoW Agreement]. This arrangement, valued at approximately USD96 million over four years, directly links processing operations conducted on Malaysian soil to foreign military supply chains. It implicates Malaysia in the military activities of a State that is, at the time of writing, engaged in armed conflicts and military operations that have attracted credible allegations of grave breaches of international humanitarian law (IHL) and serious violations of international human rights law (IHRL).

Our Concerns

Peace and Non-Alignment

Malaysia's foreign policy is rooted in the principle of non-alignment. The DoW Agreement would make Malaysia a link in the military supply chain of a State currently waging wars and conducting military operations on multiple fronts. This is fundamentally incompatible with Malaysia's longstanding commitment to peace and its consistent opposition to the use of force in international relations. Permitting such an arrangement to proceed risks reducing Malaysia's credibility as an independent voice in multilateral forums and compromising its principled positions on conflicts in Palestine, Iran, and elsewhere.

National Sovereignty

Allowing operations on Malaysian territory to serve, directly or indirectly, the war efforts of a foreign power compromises Malaysia's sovereign independence. The processing of strategic minerals in Gebeng for delivery to the US Department of War effectively subordinates Malaysian industrial infrastructure to the military requirements of another State. This raises serious questions about the extent to which Malaysia's regulatory and licensing frameworks have been made to serve foreign strategic objectives without adequate scrutiny or public accountability.

Environmental Responsibility

The Lynas facility in Gebeng has faced sustained public opposition over the management of radioactive waste and associated environmental risks. That these operations are now to be linked to military supply chains compounds the ethical burden borne by the communities surrounding the facility and by Malaysia as a whole.

Risk of Complicity in Violations of International Law

The DoW Agreement does not exist in a vacuum. It must be assessed against the backdrop of the United States' current and recent military conduct, which has attracted widespread condemnation and credible allegations of violations of international law across multiple theatres:

Gaza and the Occupied Palestinian Territory

The United States continues to supply arms and military assistance to Israel for its operations in Gaza and the wider occupied Palestinian territory, notwithstanding the International Court of Justice's provisional measures orders in *South Africa v. Israel* indicating a plausible risk of genocide, and the September 2025 finding by the UN Independent International Commission of Inquiry that Israel has committed genocide against Palestinians in the Gaza Strip.³ Multiple UN experts, including the Special Rapporteur on the situation of human rights in the occupied Palestinian territory, have stated unequivocally that continued arms transfers to Israel risk rendering supplier States complicit in internationally wrongful acts, including genocide.

Venezuela

On 3 January 2026, the United States conducted strikes across Venezuela and captured President Nicolás Maduro in an operation carried out without UN Security Council authorisation and without a credible claim of self-defence under Article 51 of the UN Charter. The UN Secretary-General, the UN High Commissioner for Human Rights, and numerous governments have condemned the action as a violation of Venezuela's sovereignty and territorial integrity under Article 2(4) of the UN Charter.⁴

Iran

On 28 February 2026, the United States and Israel launched a series of strikes against Iran targeting leadership, military facilities, and nuclear sites. The strikes, which killed Supreme Leader Ali Khamenei along with military personnel and civilians, have been described by legal experts and multiple governments as a violation of Iran's sovereignty under international law. The conflict has since escalated to include strikes on civilian infrastructure, the sinking of an Iranian naval vessel during a period when it was unarmed, and preparations for potential ground operations. Prime Minister, you have publicly and strongly condemned these attacks, stating that they are "contrary to universal principles."

In this context, supplying rare earth oxides processed at the Gebeng facility to the US Department of War presents a real and foreseeable risk that Lynas, an entity operating under Malaysian jurisdiction and regulatory authority, becomes complicit in violations of international law. Rare earth oxides are critical inputs for permanent magnets used in precision-guided munitions, advanced weapons systems, military vehicles, and defence electronics. Materials refined in Malaysia may therefore be incorporated into weapons systems deployed in operations where grave breaches of IHL and serious violations of IHRL are being perpetrated or are credibly alleged.

Malaysia's Obligations Under International Law

Malaysia has consistently affirmed its adherence to, and principled support for, international law, including the international law of State responsibility as reflected in the Articles on Responsibility of States for Internationally Wrongful Acts (ARSIWA), adopted by the United Nations General Assembly in 2001.⁵

³See UN Independent International Commission of Inquiry on the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and Israel, Report of September 2025, concluding that Israel has committed genocide against Palestinians in the Gaza Strip. See also ICJ, Application of the Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide in the Gaza Strip (*South Africa v. Israel*), Provisional Measures Orders of 26 January 2024, 28 March 2024, and 24 May 2024.

⁴See WOLA, "Unilateral U.S. military intervention to remove authoritarian dictator Nicolas Maduro from power violates international law and sets a dangerous precedent for the region," 3 January 2026; UN Security Council Report, "Venezuela: Emergency Meeting," 5 January 2026 (S/2026/5).

⁵Articles on Responsibility of States for Internationally Wrongful Acts, adopted by the International Law Commission in 2001 and commended by the United Nations General Assembly in Resolution 56/83 of 12 December 2001. Article 16 provides: "A State which aids or assists another State in the commission of an internationally wrongful act by the latter is internationally responsible for doing so if: (a) that State does so with knowledge of the circumstances of the internationally wrongful act; and (b) the act would be internationally wrongful if committed by that State."

The Malaysian government has been unequivocal—at the UN General Assembly, the Human Rights Council, and the Security Council—in characterising Israel’s conduct in Gaza as genocide and as grave breaches of IHL and IHRL, and in calling for accountability and the protection of civilians.

Just last month you tabled an emergency motion in Parliament that “strongly condemned the attacks by Israel and the United States on Iran,” stating that Malaysia “strongly opposed the continued attacks against Iran, as these are contrary to universal principles,” and called for an immediate and unconditional ceasefire and a return to negotiations.

In the National Action Plan on Business and Human Rights 2025–2030 (NAPBHR), the government acknowledges its duty to ensure businesses respect human rights, consistent with Malaysia’s commitments under international law and treaties. The government also recognises the need to keep improving its human rights framework.

As part of its obligations under international law, Malaysia must ensure that all actors operating under its jurisdiction respect, protect, and fulfil international law, including IHL and IHRL. Under Article 16 of ARSIWA, Malaysia must not knowingly aid or assist another State in the commission of grave breaches of IHL or serious violations of IHRL that would be unlawful if committed by Malaysia itself, including war crimes, crimes against humanity, or genocide.

Where a commercial operation of this nature is conducted on Malaysian soil, through its regulatory and licensing frameworks, the government cannot be indifferent to the purposes to which its territory and institutional infrastructure are made to serve. To permit Lynas to fulfil the DoW Agreement without scrutiny, in the face of the facts set out above, would amount at best to negligence in discharging Malaysia’s obligations under international law, and at worst to wilful blindness to the risk of complicity in internationally wrongful acts.

Our Demands

In light of the DoW Agreement and the risk that materials refined at the Lynas Gebeng facility may be used in weapons systems deployed in military operations that are, or may become, the subject of credible allegations of genocide, crimes against humanity, or other grave violations of international law, **we call** on the Government of Malaysia to take the following steps to discharge its obligations and avoid complicity through aid or assistance under Article 16 ARSIWA:

- 1. Ensure Lynas is not violating international law**

Malaysia should require Lynas to demonstrate that its operations, contracts, and supply chains do not and will not contribute to or facilitate internationally wrongful acts, including grave breaches of IHL, serious violations of IHRL, genocide, war crimes, or crimes against humanity. This includes demanding full transparency on the terms, scope, and intended end-use of the DoW Agreement, and requiring binding assurances that materials refined in Malaysia will not be used in weapons systems deployed in operations where breaches of IHL and IHRL are being perpetrated. Such requirements should be incorporated as conditions in the licence issued to Lynas.

- 2. Audit Lynas**

Malaysia should subject Lynas to a robust, independent human-rights and IHL due-diligence audit focused on end-use and end-user risk, with particular attention to potential involvement in conflicts where serious violations of IHL and IHRL are credibly alleged. Where risks of contribution to such violations are identified, Malaysia must impose conditions, corrective measures, or, if necessary, suspend or

revoke relevant approvals and licences to prevent any knowing aid or assistance to internationally wrongful acts within the meaning of Article 16 ARSIWA.

3. Enact and enforce domestic legislation

Malaysia should adopt and enforce clear domestic laws and regulatory conditions to ensure that companies operating in Malaysia are not complicit in the commission of international crimes or placed in conflict with IHRL or IHL. Such laws should make explicit that regulatory approval and operating licences are conditional on compliance with Malaysia's obligations under international law, including its duty not to aid or assist in internationally wrongful acts committed by third States, and should require heightened human-rights due diligence for military-linked or conflict-sensitive supply chains.

**Endorsed by,
All organisations in *Lampiran 1***

CC: YB Datuk Chang Lih Kang
Menteri
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
Block C5, Aras 7, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Emel: changlihkang@mosti.gov.my

Lampiran 1	
No	Nama Pertubuhan / Organisasi / NGO / CSO
1	Agora Society Malaysia
2	AJ Rimba Collective
3	Aliran
4	Apa Kata Wanita Orang Asli
5	BDS Malaysia
6	Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)
7	Consumers Association of Penang (CAP)
8	Environmental Protection Society Malaysia (EPSM) / Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia
9	Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM)
10	Free Tree Society Kuala Lumpur
11	G25 Malaysia
12	Gabungan Darurat Iklim Malaysia Berhad
13	Global Environment Centre
14	Greenpeace Malaysia
15	Health Action International Asia Pacific (HAIAP)
16	Impactlution
17	Jaringan kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia
18	Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS)
19	Karunjattai Ilainyar Padai (Rationalist Youth Movement)
20	Klima Action Malaysia - KAMY
21	KLSCAH Youth
22	Lawyer Kamek (Sarawak)
23	Liga Rakyat Demokratik (LRD)
24	Malaysians Against Death Penalty and Torture - MADPET
25	Malaysian Humanitarian Aid and Relief
26	Malaysian Nature Society Pahang
27	Malaysian Nature Society Selangor Branch
28	Malaysian Women's Action for Tobacco Control and Health (MyWATCH)

29	MANDIRI
30	Monitoring Sustainability of Globalisation (MSN)
31	North South Initiative
32	PACOS Trust
33	Parti Sosialis Malaysia (PSM)
34	Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
35	Persatuan Melayu Marudi Baram Sarawak Malaysia
36	Persatuan Pengguna Luar Bandar & Ekologi Malaysia (RURAL MALAYSIA)
37	Persatuan Suku Jakun Pahang (PSJP)
38	Pertubuhan Gabungan Institusi Pendidikan Islam Selangor (GIPS)
39	Pertubuhan Jaringan Ekologi Dan Iklim
40	Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS Penang)
41	Pro-Siswa Kolej Komuniti Malaysia / Gerakan Perempuan Melawan
42	Pusat KOMAS
43	Rimbawatch Malaysia
44	Sahabat Alam Malaysia (SAM)
45	Save Malaysia Stop Lynas (SMSL)
46	SAVE Rivers.Org
47	SIUMAN Collective
48	SUARAM
49	Sustainable Development Network Malaysia (SUSDEN Malaysia)
50	TAHABAS
51	Tanjong Bungah Residents' Association
52	Teoh Beng Hock Association for Democratic Advancement (TBH-ADA)
53	The Malaysian Social Research Institute
54	Third World Network
55	Wetlands International (Malaysia)
56	Women for Equality Association (WEA)
57	WWF Malaysia